

MINIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.2/2013

Kementerian : Kementerian Kewangan

Jabatan : Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tarikh : 29 November 2013 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Dewan Persidangan Sri Rampai,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 Selatan, No 3, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, 62592, Putrajaya

Pengerusi : YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Pengerusi Bersama : YBhg. Dato' Tan Kwong Jin
Vice President
FMM Customs Committee

Kehadiran : Seperti di **Lampiran I**

1. UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli mesyuarat .
- 1.2 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta merupakan landasan yang terbaik untuk pihak Kastam dan swasta berkongsi maklumat, idea dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kedua-dua pihak serta mendapatkan penyelesaian bagi kepentingan bersama.
- 1.3 Dato' Sri Pengerusi turut memaklumkan ahli mesyuarat bahawa sebanyak 27 usul akan dibincangkan pada mesyuarat ini dimana 12 usul merupakan perkara berbangkit dari mesyuarat lepas dan 15 usul sebagai usul baru.
- 1.4 Dato' Sri Pengerusi berharap penglibatan aktif dan positif daripada semua ahli dapat memberi penyelesaian untuk isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak swasta.

UNTUK MAKLUMAN

- 1.5 Dato' Sri Pengerusi turut memaklumkan Jabatan sentiasa optimis untuk melaksanakan tugas-tugas dalam melancarkan pelaksanaan GST.
- 1.6 Dato' Sri Pengerusi menekankan bahawa aktiviti pemantapan pegawai-pegawai yang melaksanakan GST dan sistem yang dibina berjalan seperti yang dirancang.
- 1.7 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan pelancaran majlis '*kick off*' projek uCustoms telah diadakan sebagai permulaan rasmi projek utama elektronik Jabatan Kastam menjelang tahun 2015.
- 1.8 Dato' Sri yakin projek uCustoms dapat meningkatkan kecekapan dan sistem penyampaian maklumat Jabatan yang lebih berkesan melalui sistem elektronik yang baru.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

2. UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

- 2.1 Pengerusi Bersama, YBhg. Dato' Tan Kwong Jin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir ke mesyuarat.

- 2.2 YBhg. Dato' Tan Kwong Jin berharap Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta dijalankan dengan baik dan memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak.
- 2.3 Beliau memaklumkan memandangkan GST akan berkuat kuasa mulai April 2015, pihak swasta akan sentiasa memberi sokongan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam melaksanakan GST.
- 2.4 Beliau turut meminta Jabatan untuk bersiap sedia bagi menghadapi cabaran yang bakal dihadapi apabila GST dilaksanakan, dimana GST tidak akan menjadi satu pilihan.
- 2.5 YBhg. Dato' Tan Kwong Jin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam kerana dapat menganjurkan mesyuarat pada kali ini.

TINDAKAN :UNTUK MAKLUMAN

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju dan mengesahkan Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 1/2013 yang telah diadakan pada 10 Jun 2013 (Isnin) tanpa pindaan dan mengambil maklum perkara-perkara berbangkit dari mesyuarat lepas.

UNTUK MAKLUMAN

4. MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL.1/2013

4.1 SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)

Mesyuarat mengambil maklum:

- a. Mesyuarat bersama pihak AFAM dan Bahagian Perkastaman telah diadakan dan kedua-dua pihak bersetuju untuk menetapkan masa memproses borang K1, K2, K3, K8 dan K9 oleh Pegawai Penaksir.

- b. Mesyuarat menetapkan masa untuk membuat taksiran bagi Borang Kastam berkualiti ialah 10 minit, masa taksiran selepas proses pemeriksaan Kastam ialah 10 minit, masa taksiran selepas pengesahan perjenisan atau penilaian ialah 10 minit dan masa bagi meresit selepas proses pembayaran ialah 5 minit.

- c. Surat pekeliling telah dihantar kepada semua Pengarah Kastam Negeri.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

- d. Bahagian Perancangan Korporat telah membuat kajian selama 6 bulan bagi menetapkan masa yang diambil untuk memproses pendaftaran Jaminan Bank dan pemulangan balik Jaminan Bank.
- e. Tempoh masa yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Piagam Pelanggan bagi proses pendaftaran Jaminan Bank ialah 70 minit dan tempoh masa bagi proses pemulangan Jaminan Bank ialah 5 hari bekerja.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

4.2 SELF CERTIFICATION REGIME -PROPOSAL TO IMPOSE STRICTER PENALTIES AGAINST FRAUDULENT DECLARATIONS

Mesyuarat mengambil maklum bahawa tindakan berkaitan usul ini telah diambil kira dalam pindaan undang-undang Akta Kastam. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Keberkesanan Undang-Undang Jabatan (JKMKUJ) telah memutuskan untuk mengemukakan teks pindaan undang-undang kepada Kementerian Kewangan.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN & KEMENTERIAN KEWANGAN

4.3 VALUATION FOR EXCISE DUTIES

- a. Mesyuarat mengambil maklum bahawa satu mesyuarat berasingan berkenaan usul ini telah diadakan oleh Kementerian Kewangan bersama pihak MICCI dan wakil JKDM.

- b. Mesyuarat bersetuju menunggu keputusan hasil daripada perbincangan lanjut oleh Kementerian Kewangan.

TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN, PERTEK & CDN

4.4 CUSTOMS LICENSE – PRESENT VALIDITY PERIOD IS 2 YEARS

Mesyuarat mengambil maklum:

- a. Tempoh pembaharuan lesen untuk Agen Penghantaran dipanjangkan kepada 5 tahun dengan syarat agen berkenaan tidak melanggar sebarang syarat kebenaran.

- b. Perbincangan berasingan bersama AFAM dan pegawai – pegawai Unit Kawalan Agen dari JKDM Selangor, JKDM WPKL, JKDM KLIA, JKDM Pulau Pinang telah diadakan untuk membincangkan syarat-syarat kebenaran yang perlu dipatuhi oleh Agen Penghantaran.

- c. Walaubagaimanapun, syarat –syarat yang ditetapkan tidak dipersetujui oleh ahli mesyuarat.

Mesyuarat membuat keputusan:

- d. Satu perbincangan lanjut perlu diadakan antara JKDM dan wakil-wakil Agen Kastam berkenaan syarat-syarat tersebut.

TINDAKAN: PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.5 ADVANCE MANIFEST DECLARATION

Mesyuarat mengambil maklum bahawa tindakan berkaitan usul ini telah diambil kira dalam pindaan undang-undang Akta Kastam. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Keberkesanan Undang-Undang Jabatan (JKMKUJ) telah memutuskan untuk mengemukakan teks pindaan undang-undang kepada Kementerian Kewangan.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERUNDANGAN & BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.6 RECOGNIZING PENANG EXPORT DECLARATION DEMINIMIS FOR BOTH K2 & K8

Mesyuarat mengambil maklum laporan berkenaan usul ini telah dihantar oleh Bahagian Perkastaman kepada Kementerian Kewangan. Mesyuarat selanjutnya akan diadakan oleh Kementerian Kewangan bersama wakil CAPEC.

TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN

4.7 PRACTISE OF STANDARD PROCEDURES BY CUSTOMS OFFICERS

Mesyuarat mengambil maklum:

- a. Prosedur dan garis panduan Bahagian Cukai Dalam Negeri yang melibatkan cukai perkhidmatan, eksais dan levi, perihal am Cukai Dalam Negeri, fasiliti perdagangan dan prosedur, borang – borang CJP (2), CJP3 dan lampiran permohonan penjenisan barang telah dimuat naik dalam Laman Web JKDM.

- b. Surat arahan kepada Pengarah Kastam Negeri telah dikeluarkan agar menyeragamkan penggunaan borang-borang permohonan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Tetap Kastam berkaitan dan digunakan di semua negeri.

- c. Jabatan akan memuat naik setiap peraturan / format borang / *Standard Operating Procedures* (SOP) dalam laman web JKDM yang diterima daripada Bahagian berkaitan untuk dijadikan panduan oleh pegawai JKDM di ruangan ‘ Prosedur dan Garis Panduan’.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.8 INTERNATIONAL COMMERCIAL TERMS-INCOTERMS 2010

- a. Mesyuarat mengambil maklum Agen Kastam yang dilantik di bawah INCOTERMS tetapi tidak dilantik di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 adalah tidak dibenarkan untuk menjadi Agen Kastam.

- b. Mesyuarat membuat keputusan satu perbincangan lanjut akan diadakan antara JKDM dengan pihak FMFF bersama wakil-wakil Persatuan Agen Kastam yang lain.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.9 ONE STOP CENTRE FOR ALL CUSTOMS' DECLARATIONS IN PORT KLANG

- a. Mesyuarat mengambil maklum prosedur Kastam yang diamalkan oleh JKDM sekarang menimbulkan masalah kepada Operator Pelabuhan dan Agen –agen penghantaran.

- b. Ahli mesyuarat bersetuju satu mesyuarat lanjut akan diadakan bersama semua pihak yang berkepentingan di pelabuhan terutamanya Operator Pelabuhan dan Agen Kastam. Mesyuarat akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.10 SERVICE TAX REFUND

Mesyuarat mengambil maklum usul yang dibangkitkan merupakan ‘one – off case’ yang telah berlaku di JKDM WPKL dan surat arahan telah dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian Cukai Dalam Negeri untuk menerima permohonan berkenaan dan mengambil tindakan pengesahan.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN /SELESAI

4.11 SALES TAX CJ5

Mesyuarat mengambil maklum bahawa kelulusan CJ5 untuk tempoh satu tahun dikekalkan memandangkan GST akan dilaksanakan pada 1 April 2015 kerana peruntukan di dalam Akta Cukai Jualan 1972 akan dimansuhkan dan dikuatkuasakan melalui Akta GST.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN/ SELESAI

4.12 SALES TAX AND SERVICE TAX AUDITS

Mesyuarat mengambil maklum Bahagian Pengurusan Pematuhan telah menyemak semula Rangka Audit dan telah memuat naik dalam laman web Jabatan Kastam.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN/SELESAI

5. MEMBINCANGKAN USUL-USUL BARU MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL.2/2013

5.1 FREEZING OF CUSTOMS AGENT'S LICENCE

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh FMFF bahawa :
 - i. JKDM telah lama membekukan pengeluaran Lesen Agen Kastam kecuali kepada yang berkelayakan di bawah *International Intergrated Logistics Services Incentive (IILS)* oleh MIDA.
 - ii. FMFF mencadangkan Lesen Agen Kastam dikeluarkan kepada syarikat tempatan oleh industri penghantaran agar dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan Agen Kastam.
 - iii. Mesyuarat mengambil maklum kertas cadangan berkenaan usul ini telah dimajukan kepada Kementerian Kewangan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan JKDM akan membuat kajian bersama-sama wakil - wakil Agen Kastam bagi menyemak semula keputusan kerajaan dalam isu pembekuan Lesen Agen Kastam.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN

5.2 MOVEMENT OF GOODS OUT OF THE LICENSED MANUFACTURING WAREHOUSE (LMW) PREMISES

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh FMM bahawa :
 - i. Proses pergerakan barang dari premis Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) ke Kawasan Utama Kastam yang dianggap import dagangan perlu menjelaskan bayaran bagi barang berduti sebelum meninggalkan premis menyukarkan proses pengimportan.
 - ii. FMM mencadangkan proses pergerakan barang dari GPB perlu dipermudahkan menggunakan bayaran secara elektronik.
- b. Mesyuarat mengambil maklum kebenaran pelepasan barang siap GBP adalah mengikut peruntukan Seksyen 65A (3)(b) Akta Kastam 1967 di mana pembayaran duti hendaklah dijelaskan sebelum barang dilepaskan dari kawalan Kastam.
- c. Mesyuarat bersetuju pihak JKDM akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak terbabit berkenaan usul ini.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN

5.3 PENALTY FOR WRONG MANIFEST BY PENANG CUSTOMS

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh SAM bahawa:
 - i. Penalti dikenakan terhadap Agen Perkapalan untuk manifest yang salah adalah tidak wajar.
 - ii. SAM mencadangkan pengenaan penalti perlu dilakukan ke atas pihak yang membuat pengikraran dengan merujuk kepada borang import.
- b. Mesyuarat memaklumkan bahawa isu ini telah dihantar untuk perhatian Pengarah Kastam Negeri Pulau Pinang.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

5.4 GUIDELINES ON TYPES OF FACILITIES – CJ5 & CJP 2

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICPA bahawa:
 - i. Kemudahan CJ5 untuk membeli atau mengimport bahan mentah bagi mendapatkan pengecualian cukai jualan dan kemudahan CJP2 dalam Jadual B dan C Cukai Jualan (Pengecualian) 2008 sering disalah tafsir oleh pengeluar.
 - ii. JKDM mengenakan penalti terhadap pengeluar atas kesalahan menyalahgunakan kemudahan CJ5 dan CJP2.

- iii. MICPA mencadangkan JKDM menyediakan garis panduan mengenai kedua-dua jenis kemudahan ini kepada pengeluar.
- b. Mesyuarat dimaklumkan buku panduan berkenaan kemudahan CJ5 dan pengecualian CJP2 telah diterbitkan oleh Jabatan Kastam dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN/SELESAI

5.5 WRITTEN GUIDANCE ON PETRONAS RAPID PROJECT

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICPA bahawa:
 - i. Kriteria yang diambil kira oleh PETRONAS dan kelulusan dari JKDM untuk mendapat pengecualian duti / cukai kastam bagi projek RAPID.
 - ii. MICPA mencadangkan agar JKDM mengeluarkan panduan bertulis berkenaan hal ini.

- b. Mesyuarat mengambil maklum panduan bertulis hanya dikeluarkan oleh pihak PETRONAS kerana JKDM hanya melaksana dan memantau syarat-syarat pengecualian yang telah dinyatakan secara bertulis di bawah butiran Perintah-Perintah Pengecualian Duti/ Cukai yang berkaitan sahaja.
- c. PETRONAS perlu memaklumkan secara rasmi nama-nama syarikat yang layak mendapat pengecualian kepada JKDM.
- d. Maklumat lanjut berkenaan isu ini perlu diperolehi dari pihak PETRONAS.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.6 DUTY / TAX EXEMPTED MATERIAL AND EQUIPMENT (MEL) LIST FOR PETROLEUM AND GAS INDUSTRY

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICPA bahawa :
 - i. Butiran 70, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008 dan butiran 107 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1998 menyatakan syarikat – syarikat industri gas dan petroleum yang layak memperoleh duti/cukai bahan dan peralatan.

- ii. MICPA mencadangkan JKDM menyediakan salinan *Material and Equipment List* (MEL) yang telah dikemaskini oleh Kementerian Kewangan untuk kegunaan industri.

- b. Mesyuarat dimaklumkan pihak swasta boleh menghubungi Bahagian Cukai Dalam Negeri Ibu pejabat Kastam Diraja Malaysia ataupun mana-mana pejabat JKDM bagi mendapatkan senarai MEL yang dikemaskini dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.7 DUTY / TAX EXEMPTED MATERIAL AND EQUIPMENT (MEL) LIST FOR JOINT DEVELOPMENT AREA (JDA)

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICPA bahawa :
 - i. Butiran 96, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008 dan Butiran 160 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1998 mengatakan seseorang yang diluluskan oleh *Joint Customs Committe* layak mendapat pengecualian barang berdutii/cukai bagi digunakan dalam Kawasan Pembangunan Bersama (JDA).

- ii. MICPA mencadangkan JKDM menyediakan senarai *Material and Equipment List (MEL)* bagi barang yang layak mendapat pengecualian duti/cukai untuk JDA.

- b. JKDM memaklumkan bahawa pengimport atau pembekal boleh mendapatkan salinan MEL dari pihak *Malaysia-Thailand Joint Development Area (MTJDA)*.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.8 PRIVATE SECTOR ENGAGEMENT

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICCI yang mendakwa tidak dijemput ke mesyuarat yang melibatkan pihak sektor swasta dan JKDM.

- b. JKDM *memaklumkan* akan menjemput pihak MICCI dalam program-program Jabatan yang akan diadakan pada masa hadapan.

- c. Edaran alamat, nombor telefon dan emel pihak MICCI telah dibuat kepada semua Bahagian Ibu Pejabat.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.9 RESPONSE TIME FROM CUSTOMS

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICCI yang mendakwa JKDM lewat memberi maklumbalas kepada surat-surat daripada pihak swasta.
- b. JKDM memaklumkan semua maklumbalas kepada surat-surat berkenaan akan diambil tindakan dalam tempoh masa selewat-lewatnya 3 hari.
- c. Arahan berkenaan perkara ini telah dikeluarkan kepada Pengarah Ibu Pejabat dan Pengarah Kastam Negeri.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.10 GOODS AND SERVICES TAX (GST)

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICCI bahawa :
 - i. Pemindaan terhadap Rang Undang-Undang GST perlu dikongsi bersama semua pihak
 - ii. Kriteria pengiktirafan Agen GST
 - iii. Kriteria untuk mengenakan penalti di bawah GST
 - iv. Jabatan Kastam perlu memastikan kualiti dan kecekapan jurulatih/penceramah

b. JKDM memaklumkan bahawa:

- i. Rang undang-undang GST di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan sebarang pindaan yang dibuat dipaparkan di laman web Kementerian Kewangan.
- ii. Kriteria pengiktirafan agen GST dibuat berdasarkan kelayakan akademik, kursus – kursus GST yang pernah hadir, pengalaman bekerja, peperiksaan, temuduga, dan sebagainya.
- iii. Ketua Pengarah Kastam boleh meremitkan penalti yang kena dibayar berdasarkan kes sekiranya adil dan saksama untuk berbuat demikian
- iv. Elemen kualiti dan kecekapan jurulatih GST tidak terdapat di bawah bidang kuasa JKDM. Walaubagaimanapun, selepas era GST, pihak Kastam boleh menasihati orang berdaftar mengenai kecekapan dalam penyediaan latihan.

TINDAKAN :UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.11 DEMAND NOTE

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICCI bahawa *Bill Of Demand* (BOD) perlu dihantar kepada syarikat. Sekiranya syarikat gagal memberi maklumbalas berkenaan BOD maka BOD akan dihantar kepada Pengarah.
- b. JKDM memaklumkan :
 - i. BOD dihantar kepada Pengarah syarikat mengikut Perintah Tetap Kewangan Bil.3, Seksyen 22C Akta Kastam, Seksyen 17 Akta Cukai Perkhidmatan dan Seksyen 26 Akta Cukai Jualan.
 - ii. BOD akan dihantar kepada syarikat dan Pengarah dan hanya satu tarikh BOD akan dirujuk.
- c. Mesyuarat membuat keputusan :
 - i. BOD akan dihantar kepada Pengarah Urusan syarikat dan selepas 14 hari surat peringatan akan dihantar semula Pengarah Urusan.
 - ii. Surat (BOD) ketiga akan dihantar kepada semua Pengarah syarikat.

TINDAKAN : SEMUA PENGARAH BAHAGIAN

5.12 ROYALTY

- a. Mesyuarat mengambil maklum cadangan yang dikemukakan oleh MICCI bahawa Jabatan Kastam perlu menyediakan garis panduan kepada pegawai-pegawai Kastam berkaitan keputusan Mahkamah Persekutuan, keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan mengenai isu royalti.
- b. Mesyuarat membuat keputusan :
 - i. Bahagian Perundangan akan mengumpulkan keputusan-keputusan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan berkaitan dengan royalti.
 - ii. Garis panduan kepada Stesen atau Negeri akan dikeluarkan selepas kajian lanjut dibuat oleh Bahagian Perundangan JKDM.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN

5.13 EXCHANGE RATE TO BE USED FOR SERVICE TAX PURPOSES

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICCI bahawa JKDM meminta syarikat-syarikat yang membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi tujuan pengimportan menggunakan kadar pertukaran mata wang asing yang dimuatnaik dalam Laman Web JKDM.

- b. Mesyuarat membuat keputusan untuk membincang isu ini bersama-sama isu 5.15.

TINDAKAN : PENGARAH CUKAI DALAM NEGERI

5.14 REVIEW STATUS OF LMW AND FIZ

- a. Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh MICCI berkenaan pindaan status Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) dan Zon Perdagangan Bebas (ZPB).

- b. JKDM memaklumkan kajian telah dibuat dan cadangan pertukaran status GPB dan ZPB tidak dipersetujui oleh pihak swasta. Kementerian Kewangan dimohon meneliti semula isu ini.

TINDAKAN: PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN & KEMENTERIAN KEWANGAN

5.15 CALCULATION OF SALES TAX

Mesyuarat mengambil maklum isu yang dikemukakan oleh FMM bahawa JKDM meminta syarikat-syarikat yang membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi tujuan pengimportan dagangan untuk menggunakan kadar pertukaran mata wang asing yang dimuatnaik Laman Web JKDM.

TINDAKAN : BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

6. MEMBINCANGKAN HAL- HAL LAIN

6.1 PERMIT UNTUK KENDERAAN YANG DIBAWA MASUK MELALUI PELABUHAN KLANG

- a. Mesyuarat mengambil maklum dakwaan FMFF bahawa:
 - i. Kenderaan yang dibawa masuk melalui Pelabuhan Klang perlu mempunyai permit yang sah dahulu sebelum dibawa masuk menggunakan mod laut.
 - ii. Walaubagaimanapun, FMFF meminta JKDM membenarkan pengimportan kenderaan dibuat lebih dahulu dan memberi tempoh masa 30 hari untuk proses mendapatkan permit import kenderaan.

- iii. FMFF mengatakan amalan pengimportan kenderaan tanpa permit dan pemberian 30 hari untuk mendapatkan permit telah lama diamalkan di JKDM Selangor atas dasar budi bicara.
 - iv. Oleh itu, FMFF memohon JKDM Ibu Pejabat agar mengeluarkan surat kebenaran yang membolehkan syarikat membawa masuk kenderaan terlebih dahulu dan diberi tempoh 30 hari dari tarikh pengimportan untuk mendapatkan permit import kenderaan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan bahawa pemberian surat kebenaran seperti yang diminta oleh FMFF tidak termasuk dalam bidang kuasa Kastam kerana mengikut Akta Kastam kenderaan yang diimport perlu mempunyai permit yang sah. Pihak FMFF perlu merujuk kepada Operator Pelabuhan.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

6.2 K8 - HANGING FORM

- a. Mesyuarat mengambil maklum dakwaan AFAM mengenai pengenaan kompaun terhadap *hanging form* bagi borang K8 tidak patut diteruskan.
- b. Mesyuarat memutuskan Bahagian Perkastaman mengadakan satu mesyuarat khas bersama-sama semua Agen Penghantaran bagi menyelesaikan semua isu yang berkaitan K8 termasuk *hanging form* dan cukai tertunggak K8.

TINDAKAN: BAHAGIAN PERKASTAMAN

6.3 SURAT DARIPADA IBU PEJABAT TIDAK DITERIMA DI STESEN LAIN

- a. Mesyuarat mengambil maklum dakwaan AFAM bahawa surat yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat pada tahun 2009 dan ditandatangani oleh mantan Ketua Pengarah Kastam tidak diterima oleh pegawai JKDM KLIA dengan alasan pegawai tersebut tidak berkhidmat lagi dalam Jabatan.

- b. AFAM memaklumkan situasi ini turut berlaku di stesen-stesen lain dan ini mengganggu proses pengimportan / pengeksportan.
- c. Bahagian Perkastaman perlu mengambil maklum berkenaan isu ini dan siasatan serta tindakan sewajarnya perlu diambil.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN

7. UCAPAN PENUTUP PENGERUSI BERSAMA

- 7.1 YBhg. Dato' Tan Kwong Jin, Pengerusi Bersama, mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JKDM kerana dapat menganjurkan mesyuarat pada kali ini.
- 7.2 Beliau berharap isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak swasta dapat diselesaikan untuk kebaikan bersama.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

8. UCAPAN PENANGGUHAN PENGERUSI

- 8.1 Dato' Sri Pengerusi berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat yang mencapai objektif.**
- 8.2 Dato' Sri Pengerusi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Panel kerana membolehkan mesyuarat berlangsung dengan baik.**

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

9. PENANGGUHAN MESYUARAT

- 9.1 Mesyuarat ditangguh pada jam 12.30 petang.**
- 9.2 Tarikh dan tempat untuk Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil.1/2014 akan ditentukan kemudian.**

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

t.t

**SEKRETARIAT
MESYURAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL.2/2013
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
4 DISEMBER 2013**

SENARAI KEHADIRAN

A. PENGURUSI

1. **YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad**
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

B. PENGURUSI BERSAMA

1. **YBhg. Dato' Tan Kwong Jin**
Federation of Malaysian Manufactures (FMM)

C. WAKIL JKDM

1. **YBhg. Dato' Abdul Rahman bin Othman**
Timbalan Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Pengurusan
2. **YBhg. Dato' Haji Zainul Abidin bin Taib**
Penolong Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Penguatkuasaan
3. **YBhg. Dato' Zaleha bt Hamzah**
Penasihat Kastam
4. **YBhg. Dato' Haji Hassan bin Ibrahim**
Pengarah Kastam
Bahagian Perkhidmatan Teknik

5. **YBhg.Dato' Haji Md.Salleh bin Said**
Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman
6. **YBhg.Dato' Ab.Hamid bin Salleh**
Pengarah Kastam
Bahagian Perancangan Korporat
7. **Tuan Paddy bin Abd.Halim**
Pengarah Kastam
Bahagian Pengurusan Pematuhan
8. **Puan Rosinah binti Md.Murad**
Ketua Akauntan
Cawangan Akaun
9. **Puan Zaidah binti Mohd Noor**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Teknologi Maklumat
10. **Tuan Abd.Gani bin Othman**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian
11. **Tuan Saidi bin Ismail**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Import / Eksport dan Kawalan Sempadan
12. **Tuan Haji Wan Din bin Wan Hassan**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Perakaunan Hasil
13. **Puan Amarjit Kaur Maktiar Singh**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Dasar & Perlaksanaan Cukai Dalam Negeri
14. **Puan Soria binti Osman**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan pengurusan Penjenisan,Tarif & Gubalan

- 15. Tuan Ong Guan Sai**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pendakwaan

- 16. Tuan Mohd Sapien bin Hj Sanusi**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pencegahan/Rampasan

- 17. Tuan Haji Liah bin Haji Omar**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Narkotik

- 18. Puan Norhaziah binti Abd.Wahab**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa

- 19. Tuan Wan Leng Whatt**
Timbalan Pengarah Kastam
Unit Tugas-Tugas Khas GST

- 20. Tuan Ahmad Maher bin Abd. Jalil**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Kawalan Kemudahan dan Konsultasi

- 21. Tuan Mohd Khairuddin bin Idris**
Peguam Persekutuan/ Timbalan Pendakwa Raya
Bahagian Perundangan

- 22. Tuan Haji Abdul Mannan bin Mohamed**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Pengurusan Penilaian

- 23. Puan Rosminah binti Shaari**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia

- 24. Dr. Hosni Hussen bin Md Saat**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Bahagian Perancangan Korporat

25. Tuan Soh Tek Liang
Penolong Pengarah Kastam
Bahagian Penguatkuasaan
26. Tuan Balachandran Krishnasamy
Penolong Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman
27. Puan Zurina binti Hussin
Penguasa Kastam
Bahagian Cukai Dalam Negeri
28. Mohamad Ismail bin K.Abdullah
Penolong Penguasa Kastam
Bahagian Penguatkuasaan

D. WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

29. Encik Zainordin bin Shahlal
Bahagian Analisa Cukai
30. Encik Saiful Aznee bin Ab Ghafar
Bahagian Analisa Cukai

E. WAKIL PIHAK SWASTA

31. Encik Sekar Menon
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)
32. Encik Khoo Chin Guan
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)
33. Puan Wong Hin Wei
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

34. YM Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Muda Musa
Federation of Malaysian Manufactures (FMM)
35. Cik Maygelah Siva
Federation of Malaysian Manufactures (FMM)
36. Encik Thomas Selva Doss
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
37. Puan Wong Poh Geng
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
38. Cik Tan Yu Yin
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
39. Cik Tan Ai Joo
The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)
40. Encik Khadmudin bin Hj Mohd Rafik
Malaysian Knitting Manufactures Association (MKMA)
41. Encik Lim Kok Seng
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
42. Encik Koh Siok Keat
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
43. Encik Lew Nee Fook
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
44. Cik Nor Syahidatul Nadia Bidres
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
45. Encik Johny Yong
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)

46. **Encik Ong Whee Tiong**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
47. **Encik Peter Lim Thiam Kee**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
48. **Encik Walter Culas**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
49. **Encik Anuar Haji Ashari**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
50. **Encik Saif Harshah**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
51. **Encik Alvin Chua**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
52. **Encik Toon Teng Fatt**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
53. **Encik Krishnan Chelliah**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
54. **Dato' Dr. Vijayan**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
55. **Cik Jessica Ho**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
56. **Encik Kamarul Azman**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
57. **Encik Lau Haw Chong**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
58. **Encik Mohd Salimi bin Ahamad**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
59. **Encik Haji Osman bin Ujang**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)

F. SEKRETARIAT

- 60. Tuan Aidid Tajuddin**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Perhubungan Awam
- 61. Tuan Mohd Zain bin Mohd Noor**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Cawangan Perhubungan Awam
- 62. Puan Kohila Rajaram**
Penguasa Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 63. Puan Suhaliza Mohd Mokhtar**
Pegawai Kastam
Cawangan Perhubungan Awam